

## TEMPLAT POLISI RUJUKAN

### PENGENALAN

Terangkan pengenalan dan keperluan polisi disediakan

- Bagi menetapkan prinsip dan peraturan sebagai rujukan mengenai kes jenayah termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, sogokan dan penyalahgunaan kuasa kepada Agensi Penguatkuasaan untuk Syarikat, Kumpulan Syarikat, dan anak Syarikat.
- Menggalakkan pemberi maklumat membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) dengan memelihara kerahsiaan maklumat sulit dan memudahkan pemberi maklumat dalam membuat pendedahan KTW kepada Agensi Penguatkuasaan.

### TERMA DAN DEFINISI

Jelaskan sebarang akronim, istilah dan terma yang berkaitan

TERMA	DEFINISI
Kelakuan Tidak Wajar (KTW)	Sebarang kelakuan, jika dibuktikan, merupakan kesalahan tatatertib (rujuk tafsiran ‘kesalahan tatatertib’ di bawah Seksyen 2, Akta 711) atau kesalahan jenayah
Salah Guna Kuasa	Perbuatan menggunakan kedudukan seseorang dengan cara tidak wajar
Rasuah	Rasuah boleh menjadi salah satu bentuk penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk keuntungan peribadi dan mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada sogokan
Sogokan	Menawarkan, memberi, menerima atau meminta apa-apa barang bernilai untuk mempengaruhi tindakan pegawai atau orang lain yang bertanggungjawab terhadap tugas awam atau undang-undang
Suapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tidak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;</li> <li>(b) Apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;</li> <li>(c) Apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;</li> <li>(d) Apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskoun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;</li> <li>(e) Apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;</li> <li>(f) Apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa kewajipan rasmi, dan</li> <li>(g) Apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f)</li> </ul>
Akta SPRM	Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
Agensi Penguatkuasaan	Agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang. Misalnya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain agensi berkaitan

Pemilik Polisi	Bahagian/ Unit yang empunya polisi ini. (Nyatakan Bahagian/ Unit secara spesifik)
Pemberi Maklumat	Mana-mana orang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan termasuk warga ..... (nama organisasi)

## **PERNYATAAN POLISI**

Terangkan komitmen syarikat dalam memerangi rasuah

Polisi ini terpakai bagi pendedahan berkaitan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) berdasarkan kepercayaan yang munasabah bahawa mana-mana warga syarikat telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam KTW yang dibuktikan menjadi suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang.

## **MATLAMAT POLISI**

Terangkan matlamat polisi

- Menzahirkan komitmen organisasi dalam usaha pencegahan rasuah dan jenayah lain disampaikan dengan betul dan jelas kepada semua kakitangan/pihak ketiga
- Menggalakkan pendedahan mengenai salah laku, jenayah rasuah, sogokan dan penyalahgunaan kuasa dilaporkan kepada Agensi Penguatkuasaan yang berkaitan.

## **SKOP**

Terangkan untuk perkara apa dan kepada siapa polisi ini terpakai

Polisi Rujukan ini terpakai kepada semua warga kerja Syarikat induk, Syarikat kumpulan (termasuk anak syarikat di seluruh dunia, anak syarikat di mana syarikat induk memegang kepentingan kawalan dan mempunyai pegangan pengurusan (*Management Control*)). Polisi ini juga boleh dijadikan panduan rakan niaga / pemegang taruh atau man-mana individu / organisasi ketika berurusan dengan warga .....(nama organisasi)

## **PENGURUSAN PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR**

Terangkan kaedah dan saluran untuk membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW)

- Prosedur pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) berkaitan kesalahan tatatertib
- Prosedur pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) berkaitan kesalahan jenayah

## **PROSEDUR PENDEDAHAN DAN RUJUKAN**

Terangkan kaedah dan saluran untuk membuat pendedahan

- Laporan boleh dibuat secara berhubung terus kepada Agensi yang berkaitan
- Jika pegawai yang ditempatkan di agensi/ syarikat merupakan pegawai Agensi Penguatkuasaan berkaitan, laporan boleh dibuat terus kepada pegawai penguatkuasa berkenaan (Contoh pegawai SPRM yang ditempatkan di agensi/syarikat)
- Seseorang kakitangan hendaklah mengetengahkan apa-apa pendedahan KTW kepada pegawai atasannya atau Ketua Jabatan. Walaubagaimanapun, kesesuaian sesuatu pihak untuk menerima pendedahan itu bergantung juga kepada isu-isu terkandung dan individu yang dituduh melakukan kesalahan tersebut. Oleh itu, jika kakitangan atau pihak syarikat berkepentingan tersebut cenderung, beliau boleh menggunakan mana-mana mekanisma yang berikut
- Laporan tersebut hendaklah mengandungi maklumat berikut
  - a. Jenis salah laku atau kesalahan;
  - b. Nama individu-individu yang terlibat;
  - c. Masa, tempat dan tarikh salah laku atau kesalahan tersebut berlaku;
  - d. Bagaimana salah laku atau kesalahan tersebut dilakukan;
  - e. Lain-lain saksi kepada salah laku atau kesalahan;

- f. Dokumen-dokumen atau bukti yang tersedia;
  - g. Sebab mengapa mereka membuat pendedahan tentang situasi tersebut.
- Kaitangan atau pihak berkepentingan digalakkan untuk mengemukakan pendedahan KTW pada kesempatan yang terawal, dan dialu-alukan untuk berbincang dengan mana-mana pihak tentang pendedahan KTW tersebut secara tertutup terlebih dahulu.
  - Walaupun kaitangan atau pihak berkepentingan tidak perlu membuktikan tuduhan yang dibuat, mereka perlu menunjukkan kepada pihak yang dihubungi bahawa pendedahan KTW mereka adalah berasas.

## PENGECUALIAN

Terangkan pengecualian terhadap pemakaian polisi

- Sekiranya ada percanggahan di antara Polisi dan Undang-Undang yang berkaitan, Syarikat akan menggunakan Undang-Undang tersebut
- Sekiranya ada percanggahan di antara Polisi Kumpulan dan Polisi anak syarikat, Polisi Kumpulan akan diutamakan.

## POLISI DAN RUJUKAN BERKAITAN

Senaraikan polisi dan rujukan lain yang relevan dengan polisi

- Kod Tatakelakuan
- Polisi Pemberian Maklumat Syarikat
- Lain-lain Polisi Dalaman Syarikat (yang berkaitan)
- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
- Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010
- Akta Syarikat 2016
- Akta Perkhidmatan Pasaran Modal 2007
- Kanun Keseksaan (Akta 574) - Seksyen 405

## PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Senaraikan jawatan dan pegawai yang bertanggungjawab terhadap polisi.

PERANAN	TANGGUNGJAWAB
Pemilik Polisi (Nyatakan Nama Unit/ Seksyen/ Bahagian pemilik polisi)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bertanggungjawab memastikan bahawa Polisi Rujukan ini dikaji semula dan dikemaskini agar tetap relevan dan sekiranya terdapat perubahan dalam mana-mana undang-undang, kod atau peraturan yang berkaitan dengan polisi ini, atau sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 2 tahun.</li> <li>2. Harus memastikan Polisi yang diluluskan, disebar/dihebah kepada semua Kumpulan Syarikat/ anak Syarikat di semua peringkat agar informasi mengenai Polisi ini diketahui oleh semua peringkat.</li> <li>3. Jika terdapat keperluan untuk menerbitkan Polisi ini bagi kegunaan awam/luaran, Pemilik Polisi hendaklah memberikan pernyataan Polisi yang merupakan ringkasan kandungan Polisi kepada Unit yang berkaitan (sebagai contoh, Unit Komunikasi Korporat, Bahagian Komunikasi Strategik dll) untuk sebarang komunikasi luaran.</li> </ol>

## LAMPIRAN

1. Carta Alir Prosedur Mengurus Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW)